

## **Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Mengikuti Perspektif Islam**

**Surtahman Kastin Hasan**

### **Abstract**

*Spending one's property or income in a manner of extravagance is strictly forbidden in Islam. Over spending in consumption of goods will lose not only one's potential benefits of the future in term of profit gains, but also will hindrance country's potential of economics development in term of investment opportunities. One should sacrifice current useless consumption, in turn increase investment courses in order to gain better and sounding life for the whole country in the future.*

### **Pengenalan**

Manusia sebagai makhluk yang berakal mempunyai kehendak yang berbagai dan dinamik. Mereka sentiasa terdorong untuk memenuhi kehendak ini untuk mencapai kepuasan maksimum. Mereka akan berbelanja dan mengguna segala harta milik mereka bagi mencapai tujuan tersebut.

Pengguna Islam adalah pengguna yang istimewa, berbeza dari pengguna lain dari segi kehendak, kuantiti dan jenis barang yang akan digunakan, sehingga mereka tidak mengguna dan berbelanja apa saja yang diinginkan oleh nafsunya. Mereka akan mengarahkan penggunaan dan perbelanjaannya kepada penghasilan manfaat dan kesejahteraan dunia dan akhirat.

Konsep harta sebagai amanah, ujian, alat dan pemilikannya yang tidak mutlak menjadikan pengguna Islam lebih berhati-hati dalam mencari dan membelanjakannya. Di samping membelanjakan harta tersebut ke arah tuntutan yang fardhu dan sunat, pengguna Islam juga terdinding dari membelanjakan ke atas perkara-perkara yang maksiat, haram dan sia-sia yang kesemuanya tergolong dalam perkara yang membazir.

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada permasalahan konsep, ukuran dan analisis perbelanjaan ke atas penggunaan yang bermanfaat dan tidak membazir.

### **Konsep Membazir dan Manfaat**

Bagi mengetahui batas kegiatan bermanfaat, terlebih dahulu elok difahami dan dikenalpasti maksud pembaziran. Pembaziran atau pemborosan merupakan sifat yang tergolong dalam sifat berlebih-lebihan atau melampaui batas.<sup>1</sup> Sifat ini keji dan mendapat larangan keras dari Allah sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

*“..... dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara membazir. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara Syaitan, sedang Syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya.”*  
(al-Qur'an 17, 26-27)

Pembaziran (*tabdhīr*) berasal dari perkataan Arab yang membawa erti menggunakan harta tanpa faedah dan tanpa pahala<sup>2</sup> atau tersalah menetapkan hak pemberian.<sup>3</sup> Ibn Qatādah mentakrifkan pembaziran sebagai perbelanjaan pada perkara-perkara maksiat yang ditegah Allah dan yang bukan hak atau perkara-perkara yang buruk.<sup>4</sup> Manakala berbelanja terhadap perkara-perkara yang baik, bermanfaat, berpahala dan ketaatan adalah digalakan dan tidak membazir walaupun berlebihan selagi ianya tidak menjejaskan atau memudaratkan pembelian tersebut. Al-Mujāhid pernah berkata, “seandainya seorang membelanjakan hartanya sebesar gunung dalam keadaan taat kepada Allah maka ia tidaklah termasuk orang-orang yang melampaui batas. Dan seandainya ia membelanjakan satu dirham dalam kemaksiatan kepada Allah maka ia termasuk di antara orang-orang yang melampaui batas.”<sup>5</sup>

Di sini diperturunkan tiga jenis perbelanjaan yang membazir:

**Perbelanjaan maksiat.** Perbelanjaan maksiat meliputi perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang salah, buruk atau yang haram. Perbelanjaan maksiat boleh dilihat dari dua segi: perbelanjaan yang terlarang dan perbelanjaan yang penggunaannya boleh melalaikan dari mengingati atau mematuhi perintah Allah SWT. Contohnya ialah perbelanjaan ke atas barang yang boleh membawa mudarat sama ada kepada penggunaannya atau kepada masyarakat. Arak sebagai contoh boleh merosakkan akal peminumnya dan dalam masa yang sama boleh mengganggu masyarakat dari segi jenayah akibat hilangnya kewarasan akal peminumnya. Begitu juga dengan judi, pelacuran, babi dan sebagainya.

Bersukan dengan tujuan untuk menyihatkan badan adalah dituntut Islam. Tetapi jika terus menerus bermain atau jika permainan itu melibatkan masa yang panjang atau mata penamatnya terpaksa memakan masa yang cukup panjang sehingga boleh meninggalkan solat fardhu atau permainannya melibatkan belanja yang mahal sehingga mengabaikan kewajipan berzakat juga dianggap sebagai maksiat.

Perbelanjaan jenis pertama ini agak jelas garis pemisahannya dan agak mudah untuk dikenalpasti bagi tujuan penghindarannya.

**Perbelanjaan bermegah-megah.** Sifat bermegah-megah dalam perbelanjaan biasanya dikaitkan dengan perbelanjaan ke atas barang-barang mewah. Barang mewah adalah barang yang tidak diperlukan untuk kemudahan (keselesaan) tetapi sebaliknya untuk prestij, gaya hidup moden, bermewah-mewah, berbangga-bangga, dan menunjuk-nunjuk.<sup>6</sup> Islam melebelkan perbuatan berbangga-bangga dan menunjuk-nunjuk ini sebagai *riyā'* dan diharamkan dalam Islam, kerana ia merupakan syirik (kecil).

Walaupun begitu, realitinya sikap bermegah-megah ini tidak hanya terbatas kepada perbelanjaan ke atas barang mewah sahaja, tetapi ianya juga boleh terjadi ke atas barang-barang lain seperti barang kemudahan mahupun ke atas barang keperluan asas, asalkan ada terselit niat menunjuk-nunjuk dalam penggunaannya. Perbelanjaan jenis kedua ini juga agak mudah untuk dikenalpasti.

**Perbelanjaan sia-sia.** Perbelanjaan sia-sia melibatkan perbelanjaan ke atas sesuatu yang halal secara berlebihan, melebihi dari had keperluan. Perbelanjaan seumpama ini tidak wajar kerana dikira membazir. Barang yang terlebih itu akan rosak dan terbiar, sedangkan orang lain yang lebih memerlukan boleh mengambil manfaat darinya jika ianya diberikan kepada orang tersebut. Perbelanjaan jenis ini agak sukar untuk dikenalpasti dan diukur. Oleh itu, umat Islam disyorkan agar berhati-hati supaya tidak terperangkap di dalamnya.

Di luar daripada rangkuman perbelanjaan membazir adalah perbelanjaan manfaat, iaitu perbelanjaan yang baik, berfaedah, digalakkan dan halal seperti

berbelanja untuk barang keperluan asas, barang kemudahan dan lebih jauh lagi perbelanjaan ke atas barang modal yang dapat menggerakkan pembangunan ekonomi negara.

### **Pembaziran: Pandangan Ahli Salaf**

Amalan ahli salaf, khususnya para sufi diketengahkan di sini sebagai panduan atau bandingan kepada amalan penggunaan masyarakat pada masa sekarang. Amalan mereka boleh dijadikan ukuran dan latihan ikutan yang berkesan bagi mendidik diri agar tidak menjadi hamba kepada nafsu.

Al-Ghazālī dalam membincangkan ukuran harta yang bermanfaat telah mengkategorikan penggunaan kepada tiga jenis: rumah kediaman, makanan dan pakaian dengan membahagikannya pula dalam tiga tingkatan: rendah, pertengahan dan tinggi. Dalam ke tiga-tiga tingkat penggunaan ini, tingkat tertinggi merupakan penggunaan membazir.

Rumah kediaman tingkat tertinggi merupakan tempat tinggal yang melebihi dari batas cukup. Di dalamnya dipenuhi dengan perhiasan dunia dan memusatkan (menghabiskan) waktu dengan usaha menghiasinya. Melalaikan (dan mengasyikkan) sesiapa yang tinggal di dalamnya.<sup>7</sup> Kediaman seperti ini merupakan kediaman yang membazir dan perlu dihindari.

Makanan tingkat tertinggi merupakan makanan yang banyak jumlahnya (dan pelbagai) dan orang yang sentiasa memusatkan perhatiannya (memikirkan) setiap saat ke atas keperluan makanan (dengan sibuk) menyimpan (mengumpul)nya. Mereka ini tergolong dalam golongan orang yang dijauhkan dari rahmat Allah.<sup>8</sup>

Demikian juga dengan pakaian. Pakaian peringkat tinggi terjadi apabila seseorang itu mengumpul aneka macam pakaian dan bermewah dengannya. Sikap sebegini adalah sikap orang yang mencintai keduniaan sebagaimana orang kebanyakan melakukannya.<sup>9</sup>

### **Ukuran Membazir dan Manfaat**

Pelbagai ukuran boleh digunakan untuk melihat sama ada sesuatu perbelanjaan itu membazir atau sebaliknya. Secara umumnya paras nisab merupakan satu-satunya ukuran yang paling mudah dan diterima pakai dalam segala keadaan, manakala ukuran-ukuran lain seperti batas keperluan, tanggungan keluarga dan sebagainya lebih merupakan perincian kepada penilaian spesifik dan peribadi.

**Paras Nisab.** Nisab merupakan kadar tertentu yang mewajibkan zakat. Mengikut istilah syarak ia merupakan satu paras atau kadar sesuatu harta yang wajib dikenakan zakat.<sup>10</sup>

Seseorang yang memiliki harta kurang dari paras nisab tidak terbeban untuk mengeluarkan sebahagian dari hartanya bagi membantu orang lain. Dalam erti kata lain, orang itu bebas menggunakan harta kepunyaan mengikut keinginan atau kehendaknya selagi ianya halal. Tidak menjadi kesalahan jika ia mahu menggunakan keseluruhan hartanya untuk keperluan diri dan keluarganya. Tetapi untuk tujuan menghampirkan diri kepada Allah, orang tersebut boleh bersedekah.

Paras nisab harta terdapat dalam berbagai kadar sukatan atau timbangan bergantung kepada jenis harta yang dimiliki. Walaupun ianya terdapat dalam pelbagai kadar, secara umumnya ia dapat memberi isyarat bahawa batas antara hak individu dan hak sosial. Seseorang itu hanya berhak menggunakan batas haknya. Sekiranya penggunaan atau perbelanjaan itu melampaui batas ini maka ia dikatakan telah melakukan pembaziran kerana penggunaan secara berlebihan, walaupun barang itu secara sah kepunyaannya.

Manakala ukuran lain seperti batas keperluan dan saiz tanggungan merupakan lapis kedua tapisan dalam perbelanjaan seseorang. Kalau batas nisab merupakan ukuran umum dan merupakan lapis pertama dalam saringan pembaziran, maka batas keperluan dan saiz tanggungan lebih merupakan ukuran yang lebih spesifik.

### **Analisis Perbelanjaan Manfaat**

Penelitian di sini akan mengambil contoh nisab zakat pertanian khususnya padi atau beras dan zakat pendapatan atau gaji. Zakat pertanian dipilih kerana boleh dianalisis dari segi jumlah keluaran dan hasil pendapatannya, manakala zakat pendapatan gaji pula biasanya memberikan hasil pendapatan dan jumlah zakat yang besar, serta berpotensi memberi sumbangan besar kepada aneka jenis perbelanjaan kepada individu muslim.

Nisab zakat tanaman dan buah-buahan ialah 5 *ausaq*/653 kg.<sup>11</sup> Berpandu nisab 653 kg ini, anggaran jumlah zakat beras yang perlu dikeluarkan dengan mengambil kira padi ditanam secara siraman atau pengairan,<sup>12</sup> ialah:

$$\begin{aligned} \text{Zakat} &= \text{Keluaran} \times \text{Kadar Zakat} \\ &= 653 \text{ kg} \times 5\% = 32.65 \text{ kg.} \end{aligned}$$


Atau dalam bentuk nilai ringgit, dengan mengandaikan harga beras yang diterima oleh petani ialah RM2.00, maka:

$$\begin{aligned}
 \text{Zakat} &= \text{Nilai Keluaran} \times \text{Kadar Zakat} \\
 &= (653 \text{ kg} \times \text{RM}2.00) \times 5\% \\
 &= \text{RM}1306 \times 0.05 = \text{RM}65.30
 \end{aligned}$$

**Hasil Kurang Dari Nisab.** Berpandukan kepada jumlah atau nilai nisab ini, pesawah selama mana ia tidak mencapai keluaran sebanyak 653 kg pada setiap kali tuaian misalnya pada 652 kg, maka secara prinsipnya ia boleh menggunakan kesemua keluaran tersebut dan penggunaan ini tidak dianggap membazir. Ini kerana pada peringkat keluaran ini, petani tersebut dianggap miskin dan tidak terbeban untuk membantu kewangan masyarakat. Nilai 652 ini jika ditukarkan ke dalam bentuk nilai wang, ia berjumlah RM1,304.00 atau jika dilihat dari segi bulanan ialah lebih kurang RM300.00. Justeru, petani tersebut bebas menggunakan kesemua 652 kg atau RM1,304.00 bagi keperluan diri dan keluarganya sehingga musim menuai yang mendatang.

Perbelanjaan atau penggunaan petani yang tidak dianggap sebagai membazir ini boleh difahami secara lebih mudah melalui gambarajah 1 di bawah. Ia menjelaskan bahawa selagi keluaran atau pendapatan padi kurang dari paras N, maka pembaziran adalah 0, dan pembaziran bernilai positif hanya selepas keluaran atau pendapatan melewati titik N. Kecenderungan melakukan pembaziran bergantung kepada sikap pengguna sendiri. Ada pengguna yang pasif dalam perbelanjaan dan tidak membazir dan ada yang pembazirannya berkadar dengan keluaran atau pendapatannya dan sebagainya.

Rajah 1. Keluk Pembaziran-Keluaran Pengguna



**Hasil Melebihi Paras Nisab.** Jika keluarannya mencapai 653 kg atau lebih, maka keadaannya berbeza kerana petani tersebut hanya boleh menggunakan

sebahagian dari apa yang ia hasilkan kerana wujudnya kewajipan membayar zakat. Misalnya, jika keluaran padi mencapai cukup-cukup pada 653 kg, maka petani tersebut hanya boleh mengguna atau membelanjakan beras atau padi pada paras 620.35 kg sahaja (kerana pembayaran zakat sebanyak 32.65 kg) atau dalam bentuk nilai wang RM1240.70 sahaja (iaitu setelah ditolak zakat sebanyak RM65.30).

Walau bagaimanapun, saiz perbelanjaan atau penggunaan petani selepas dari paras nisab ini terpaksa menggunakan ukuran lain, lebih-lebih lagi petani komersial yang tidak harus berbelanja dalam bentuk penggunaan akhir segala keluaran atau hasil jualannya, walaupun telah menunaikan kewajipan zakat. Misalnya petani kaya<sup>13</sup> dengan keluaran sebanyak 50 tan, walaupun zakat telah dikeluarkan sebagai semestinya iaitu sebanyak 2.5 tan beras (atau RM5,000.00), namun ia tidak boleh sewenangnyanya berbelanja sejumlah 47.5 tan (atau RM95,000.00).

Golongan kaya termasuk kumpulan berpendapatan atau bergaji besar, merupakan golongan yang sangat-sangat diharapkan sumbangannya kepada masyarakat. Kalau golongan ini asyik berjoli dan bermegah-megah dengan perbelanjaan ke atas barang-barang penggunaan akhir, mereka tidak memberi sumbangan yang produktif kepada pembangunan negara. Nisab zakat bagi golongan ini ialah senilai dengan 85 gm emas,<sup>14</sup> iaitu lebih kurang RM3,400.00.<sup>15</sup>


Golongan kaya mempunyai keperluan yang berbeza berbanding dengan keperluan golongan yang kurang berada. Golongan ini bukan sahaja mampu mencukupkan keperluan asas harian yang biasa, tetapi juga berupaya menyempurnakan kehendak kemudahan dan kehendak keselesaan bersesuaian dengan taraf kedudukannya, yang mana orang yang kurang berada tidak berhajat menyediakannya. Keperluan ke atas kehendak barang ini pula berkembang (dinamik) dan berubah melalui masa<sup>16</sup> dan dengan ini sudah tentu memerlukan nilai biaya yang semakin meningkat dari masa ke semasa.

Islam memperakukan perbelanjaan ke atas barang-barang yang berkembang ini dan penggunaannya tidak dianggap membazir. Menyedari hakikat ini maka golongan kaya bukan sahaja akan membesarkan karung perbelanjaan ke atas penggunaan akhir, tetapi demi keuntungan yang lebih besar dan kepentingan pembangunan ekonomi negara dapat dikekalkan atau tingkatkan, ia akan beralih membelanjakan baki pendapatannya kepada perbelanjaan barang modal (pelaburan).

Perbelanjaan pelaburan seperti juga perbelanjaan barang penggunaan, terdedah kepada pembaziran. Menjadi tanggungjawab pelabur untuk tidak melibatkan diri dalam kegiatan pengeluaran barang yang bercirikan barang membazir, sehingga ianya menjadi satu pusingan dengan penggunaan dan pelaburan tidak berasaskan pembaziran.

Rajah 2 dapat memperjelaskan keadaan dan kedudukan perbelanjaan golongan kaya yang merangkumi perbelanjaan barang akhir dan barang modal. Kecerunan keluk adalah bergantung kepada kecenderungan seseorang untuk mengguna dan melabur. Berpandukan kepada rajah tersebut ianya menunjukkan bahawa penggunaan ke atas barang akhir berada pada kadar yang rendah jika dibandingkan dengan pelaburan. Walaupun begitu terdapat kemungkinan keluk tidak berterusan menaik, sebaliknya malar atau menurun.

Rajah 2. Keluk Penggunaan - Pelaburan



**Data Hipotetik.** Pada paras nisab (zakat pendapatan gaji), individu muslim dikenakan zakat sebanyak RM85.00 dengan meninggalkan baki RM3,315.00 bagi tujuan perbelanjaan barang penggunaan. Jika pendapatan meningkat dan terus meningkat, pengguna Islam bukan sahaja akan terus membayar zakat mengikut yang sepatutnya, tetapi juga akan terus berbelanja melebihi RM3,315.00 kerana mengambilkira keperluan yang berkembang dan meningkat. Diandaikan kecenderungan mengguna berkadaran 10% ( $a=0.1$ ) dari baki pendapatan selepas zakat (yang juga bererti kecenderungan melabur 90%), maka satu data hipotetik yang menghubungkan antara pendapatan (Y), zakat (Z), penggunaan akhir (C) dan pelaburan (I) dapat ditentukan (Jadual 1).


Jadual 1: Data Hipotetik Potensi Zakat, Penggunaan dan Pelaburan Bagi Seseorang Individu Muslim (Dalam RM)

Pendapatan (Y)	Zakat (Z)	Penggunaan (C)			Pelaburan (I)
		Asas	Dinamik	Keseluruhan	
3,400	85	3,315	-	3,315.0	-
5,000	125	3,315	487.5	3,802.5	1,072.5
10,000	250	3,315	975.0	4,290.0	5,460.0
15,000	375	3,315	1,462.5	4,777.5	9,847.5
20,000	500	3,315	1,950.0	5,265.0	14,232.0



Jadual 1 menunjukkan pada paras nisab, pengguna akan berbelanja ke atas barang penggunaan sebanyak RM3,315.00 setiap bulan. Pada paras pendapatan ini tiada pelaburan yang dibuat. Tetapi apabila pendapatan bulannya meningkat misalnya kepada RM5,000, pengguna akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang penggunaan menjadi RM3802.5, dan dalam masa yang sama mula melabur sebanyak RM1072.50. Kegiatan mengagihkan pendapatan (selepas zakat) antara kegunaan barang akhir dan barang modal akan berterusan selaras dengan peningkatan pendapatan sehingga sampai ke peringkat jumlah perbelanjaan pelaburan mengatasi jumlah perbelanjaan penggunaan (Rajah 3).

Rajah 3: Hubungan Antara Pendapatan (Y) Dengan Zakat (Z), Penggunaan (C), dan Pelaburan (I)



Perbelanjaan penggunaan keseluruhan yang meliputi penggunaan asas dan dinamik, tidak dianggap membazir kerana ianya mengambilkira kemampuan dan keperluan dinamik sesuatu individu. Begitu juga perbelanjaan pelaburan tidak dianggap membazir kerana mengambil kira perbelanjaan yang produktif dan

mengaktifkan harta. Perbelanjaan ini berperanan besar untuk menghasilkan pendapatan (keuntungan), zakat dan pembangunan negara.

### **Kesimpulan**

Pengguna Islam merupakan individu yang rasional dan bijak dalam membelanjakan hartanya atau pendapatan. Ia tidak melampaui dalam penggunaan barang akhir, seterusnya tidak pula menyimpan beku baki harta atau pendapatan kepunyaannya. Mereka akan menggunakan barang akhir secara yang berpatutan dan akan mengerakkan baki harta atau pendapatannya secara produktif melalui pelaburan. Perbelanjaan penggunaan yang berpatutan dan pelaburan ini merupakan perbelanjaan yang bermanfaat dan digalakkan dalam Islam, kerana ia dapat memberi kesejahteraan kepada individu dan juga negara. Sebaliknya perbelanjaan penggunaan yang melampau batas dan penyimpanan beku harta merupakan pembaziran yang merugikan individu dan juga negara.

## Nota Hujung

1. Yusuf al-Qardhawi. 1997. *Peran Nilai dan Moral Dalam Perekonomian Islam* (Terjemahan K.H. Diddin Hafidhuddin). Jakarta: Robbani Press. hal. 253.
2. *Ibid.* hal. 253-254.
3. Abū Ja'far Jarīr al-Ṭabarī. t.t. *Tafsīr al-Kubrā*. Juzu' XII. Mesir: Dār al-Ma'ārif. hal. 167.
4. Muḥammad 'Alī al-Sābūnī. 1973. *Tafsīr Ibn Kathīr*. Juzu' 11. Beirut: Dār al-Qur'ān al- Karim. hal. 374.
5. Yusuf al-Qardhawi. 1997. *Peran Nilai dan Moral Dalam Perekonomian Islam*. hal. 255.
6. Surtahman Kastin Hasan. 1993. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 49.
7. Al-Ghazālī. 1983. *Timbangan Amal: Menuju Kebahagiaan Akhirat*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. hal. 205.
8. *Ibid.* hal. 206-207.
9. *Ibid.* hal. 207.
10. Aḥmad 'Abd al-Azīz al-Māzīnī. 1989. *Panduan Mengeluarkan Zakat* (terj. Osman bin Haji Khalid). Petaling Jaya: Al-Rahmaniah. hal. 47.
11. *Ibid.* hal. 121-122.
12. Padi bersih (beras). Zakat 5% dikenakan ke atas tanaman padi yang di airi dengan alat siraman, berbanding dengan 10% bagi padi yang semata-mata bergantung kepada air hujan. Perbezaan 5% kami andaikan sebagai kos air dan kos pengeluaran yang lain.
13. Golongan petani (termasuk petani komersial), jarang menjadi kaya, sebagaimana kayanya golongan usahawan dan elit lain yang dengan jelas kehadiran mereka boleh mempengaruhi ekonomi negara.
14. Aḥmad 'Abd al-Azīz al-Māzīnī. 1989. *Panduan Mengeluarkan Zakat*. hal. 145.
15. Nilai nisab yang boleh dizakatkan berbeza antara satu harta dengan harta yang lain. Nilai RM3,400.00 ini jika dibandingkan dengan nilai RM1,306.00 bagi padi adalah lebih besar, tetapi bukan nilai yang diutamakan tetapi keupayaan atau kemampuan sesuatu harta itu menampung kehidupan. Misalnya beras seberat 653 kg mampu menyara petani atau keluarga untuk selama satu musim, sehingga musim baru mendatang. Ini bererti petani mempunyai bekalan makanan yang cukup pada setiap musim, maka ia kaya dengan beras dan kerana itu zakat diwajibkan ke atasnya. Bagi zakat pendapatan gaji, orang yang mula-mula mengenakanya ialah Mu'āwiyah bin Abī Sufyān dan diikuti kemudiannya oleh 'Umar 'Abd al-Aziz. Sesetengah ulama berpendapat zakat pendapatan gaji perlu dikeluarkan setiap kali menerimanya (bulanan), kerana diqiaskan dengan zakat tanaman yang wajib dikeluarkan setiap kali menuai (Aḥmad 'Abd al-Azīz al-Māzīnī, 1989. hal. 144-145).

16. Keperluan berkembang atau dinamik merupakan keperluan tambahan yang golongan kurang berada tidak memerlukannya. Ia merangkumi penyempurnaan kehendak barang keperluan asas, kemudahan dan keselesaan yang terdapat dalam berbagai bentuk:
  - i. Biaya rekreasi bagi melapangkan, menenangkan dan menyegarkan minda setelah penat memerah otak memikir dan merancang pekerjaan.
  - ii. Biaya makanan tambahan bagi menguat dan memulihkan kesihatan badan dan fikiran.
  - iii. Biaya perubatan tradisional dan moden ke atas segala jenis penyakit yang kerap mengganggu golongan kaya.
  - iv. Biayai perjalanan. Biasanya orang berada menjadi orang berpengaruh atau penting dan kerap terlibat dalam pelbagai aktiviti di dalam atau luar pejabat.
  - v. Khidmat masyarakat dalam bentuk derma, hadiah, bantuan dan sedekah yang kerap disumbangkan oleh golongan berada.
  - vi. Biaya aktiviti riadah untuk menyehatkan badan dan biaya-biaya lain.